

ICT di sekolah perlu

M. M'sir m/s 10 15/4/07

MINGGUAN: Apa yang boleh Datuk katakan tentang bulan pembestarian sekolah ini?

YUSOFF: Bulan pembestarian sekolah untuk menggalakkan orang ramai mengambil tahu tentang pembudayaan penggunaan teknologi. Dalam inisiatif yang sedia ada, ia bermula dengan projek rintis sebanyak 88 buah sekolah bestari dari tahun 1999 hingga 2002. Sekarang kita hendak melihat 88 buah sekolah terpilih ini sebagai penanda aras kepada sekolah-sekolah yang akan datang. Untuk menjadikan sekolah-sekolah lain sebagai bestari atau disebut sebagai pembestarian, kita perlu membudayakan teknologi komunikasi maklumat (ICT). Maka kita telah ada makmal komputer dan program PPSMI. Peralatan-peralatan ICT ini diberi kepada guru-guru. Bagi kita, ini satu lagi inisiatif membudayakan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Dalam masa sama, kita juga ada SchoolNet di mana sekolah disambungkan kepada Internet untuk menghubungkan mereka ke seluruh dunia. Untuk memastikan semua ini menjadi realiti, kita melatih guru-guru. Menjadi tugas kita membuat perisian kursus untuk membantu murid-murid belajar menggunakan cakera padat.

Apakah kaitan pembestarian dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)?

YUSOFF: Di bawah PIPP program kita ialah merapatkan jurang digital. Jadi untuk tujuan ini kita memberi kemudahan ICT. Untuk memudahkan pengajaran, kita laksanakan pengajaran menerusi perisian kursus. Yang terbaru di bawah inisiatif BTP ialah kita mewujudkan pusat akses. Pusat ini dibina di sekolah-sekolah untuk kegunaan pelajar. Di sini, pelajar dapat mengakses secara percuma kepada kemudahan komputer dan Internet. Mereka boleh bila-bila masa untuk pembelajaran. Secara tidak langsung ini akan dapat mengurangkan nisbah komputer bagi setiap pelajar. Konsep pusat akses ini sama dengan kafe siber.

Mukadimah

SETELAH melancarkan kelompok kecemerlangan sekolah kluster pada Mac, maka pada April ini tumpuan Kementerian Pelajaran adalah kepada program pembestarian 10,000 buah sekolah dan menjenamakan semula 88 buah sekolah bestari.

Sekolah kluster ialah jenama baru untuk mengenal pasti sekolah terbaik dalam aliran dan jenis masing-masing, sedangkan sekolah bestari ialah *showcase* aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dibangunkan sebagai salah satu daripada tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Secara umumnya, pembestarian sekolah perlu melengkap aspek perkakasan komputer, makmal komputer, SchoolNet, televisyen pendidikan dan inisiatif Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Apakah pun yang hendak dilakukan – penjenamaan semula atau pembangunan produk baru – pada hakikatnya ialah kita tidak boleh gagal kerana program pendidikan ini ialah tiket sehalu dengan pertaruhannya ialah generasi yang bakal mengisi agenda modal insan negara.

Tambahan pula, kos yang dibelanjakan sudah cukup tinggi.

Bagi Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Datuk Yusoff Harun, apakah yang perlu ditanam dalam jiwa setiap warga pendidikan untuk menjayakan program itu ialah komitmen, selain perkakasan dan pendekatan.

"Kalau kita tidak komited untuk melaksanakan tugas, perancangan ini tidak akan berjaya. Untuk mendapatkan komitmen kita kena faham apakah tujuannya. Keikhlasan hati mesti ada.

Ikuti wawancara wartawan *Mingguan Malaysia*, WAHID HASHIM, HASANI HASSAN dan SITI MARIAM MD ZAIN dengan Yusoff di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

DATUK YUSOFF HARUN

Apabila guru-guru yang telah diberi tanggungjawab sendiri tidak mahu guna, pengetua juga tidak kisah, ini yang akhirnya akan menjadi kosmetik sahaja

– Yusoff Harun

Tentang 88 sekolah bestari, apakah perkembangan projek rintis ini sekarang?

YUSOFF: Pihak kementerian telah meminta MDeC untuk memastikan supaya projek

YUSOFF: Kalau sesebuah sekolah itu telah bestari, maknanya dari segi nisbah komputer kepada murid sekurang-kurangnya 1:20.

Apakah beza dengan makmal komputer?

YUSOFF: Makmal komputer digunakan untuk pengajaran mata pelajaran ICT dan mata pelajaran lain yang hendak diajar menggunakan komputer. Pusat akses ini pula terpulung kepada sekolah, kalau hendak dibuka selama 24 jam pun, terpulung kepada mereka. Jadi para pelajar boleh menggunakan komputer pada sepanjang masa. Dari segi kedudukannya, kita boleh letakkan di mana-mana ruang yang sekolah ada seperti di perpustakaan ataupun bilik darjah yang kosong. 10 buah komputer akan ditempatkan di situ.

Berapa banyak pusat akses akan diwujudkan?

YUSOFF: Perkara ini berdasarkan peruntukan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kita telah diberi sebanyak RM120 juta. Berdasarkan kiraan, 2,700 pusat akses boleh disediakan. Mengikut perancangan, tahun pertama, 500 buah pusat akses perlu diwujudkan. Namun kita telah berjaya membina sehingga 1,584 pusat akses, iaitu tiga kali ganda dalam tempoh dua tahun. Kita dapati pusat akses ini menimbulkan minat kepada pelajar dan ibu bapa. Mereka seronok datang ke sekolah. Jika dahulu pelajar tidak mahu tinggal di asrama terutama di pedalaman seperti Pulau Bum Bum, sekarang sikap tersebut berubah.

Di mana tumpuan pusat akses ini sebenarnya?

YUSOFF: Tumpuan adalah di kawasan luar bandar. Apa sahaja yang kita buat, tumpuan kita adalah 70 peratus di luar bandar dan 30 peratus bandar. Dari segi konsep semua sekolah akan diberikan kemudahan pusat akses dan bila ia akan terlaksana bergantung kepada peruntukan yang ada kelak. Buat masa sekarang 30 peratus daripada 10,000 sekolah seluruh negara. Sekarang kita telah membina lebih 50 peratus dan saya fikir akhir tahun ini kita mampu mencapai 100 peratus iaitu 2,700 buah pusat akses.

Mengapa dinamakan pembastarian sedangkan ia banyak melibatkan peralatan pengkomputeran?

YUSOFF: Perkataan pembastarian bermaksud proses membudayakan penggunaan teknologi. Teknologi ini bukan sahaja komputer tetapi juga peralatan mengajar, kamera digital, televisyen, buku dan lain-lain. Jadi kita merasakan sesuai untuk dikatakan pembastarian yang bermaksud proses berterusan untuk membudayakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

rintis ini berjalan lancar. MDeC akan mengambil perhatian lebih mendalam untuk memastikan kejayaan mereka. Saya sendiri melihat semua sekolah ini lebih mendalam budaya penggunaan teknologi mereka. Maknanya budaya mereka lebih baik berbanding sekolah biasa. Dari satu segi, saya merasakan bahawa untuk mewujudkan budaya penggunaan teknologi yang kita panggil pembastarian ini adalah menjadi tanggungjawab semua. Tiada siapa berkecuali. Kerajaan memainkan peranan dengan membekalkan peralatan, melatih guru-guru dan memberi insentif. Isu sekarang cuma komitmen.

Adakah matlamat yang disasarkan ini berjaya?

YUSOFF: Kita kena lihat berjaya ini bagaimana. Kalau tanya saya, bestari maknanya sekolah itu telah menggunakan teknologi. Isunya bestari peringkat mana? Berapa peratus penggunaan teknologi di sekolah? Atas sebab inilah maka MDeC telah mewujudkan sistem ranking berdasarkan bintang yang dinamakan *Smart School Qualification Standard*. Kalau dilihat, tiap-tiap sekolah telah pun membudayakan penggunaan teknologi. Sekarang kita hanya hendak mengukur tahap bestari sekolah menggunakan sistem ranking ini. Berapa yang telah mencapai lima, empat atau tiga bintang. Contohnya sekolah yang menggunakan teknologi sekurang-kurangnya 80 peratus masa pengajaran dan pembelajaran mereka diberikan 5 bintang. Kita hendak membawa sekolah-sekolah di Malaysia ke tahap ini. Hakikatnya pembastarian sudah berlaku di kesemua 10,000 sekolah.

Setakat ini bagaimana pencapaian sekolah berdasarkan ranking ini?

YUSOFF: Kita hanya akan mula mengukur budaya pembastarian mengikut ranking mulai tahun ini.

Apakah cabaran besar untuk menjayakan matlamat pembastarian ini?

YUSOFF: Bagi saya cabaran kita ialah komitmen dari semua pihak. Apabila disebut proses pembastarian penggunaan teknologi, maksudnya semua orang kena menggunakannya. Dalam sekolah, siapa yang terlibat dengan penggunaan teknologi? Yang paling penting ialah guru-guru dan murid-murid. Kita telah memberi komputer, mengajar guru untuk menggunakannya selain memberi perisian kursus pada mereka. Cabaran kita ialah memastikan mereka menggunakannya.

Berapa nisbah sebuah komputer berbanding pelajar dan guru sekarang?

Perbandingan negara-negara maju lain?

YUSOFF: Di New Zealand nisbah mereka ialah satu komputer untuk 10 orang. Di Ireland satu komputer kepada 11 orang. Di Singapura 1:5. Bagi guru pula di New Zealand 1:2 dan Ireland 1:1. Kalau kita pergi ke sesetengah sekolah, ada juga 1:6. Guru-guru kita pula 1:2. Sebenarnya kalau lihat dari segi bilangan komputer yang telah diberi, sebenarnya kita sudah setanding. Kerana itu saya merasakan nisbah sebenarnya tidak penting. Apa yang penting mereka menggunakan perkakasan yang telah diperuntukkan dan membudayakannya.

Selain nisbah pelajar, apa lagi standard yang boleh digunakan untuk mengukur pencapaian kita?

YUSOFF: Yang perlu sekarang ialah kita menambah masa penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, yang terbaik ialah 80 peratus ke atas. Dari segi standard, negara kita mendahului. Kerajaan telah memberi komitmen penuh, semua sekolah ada komputer. Di Perancis, sesetengah sekolah sahaja yang mempunyai komputer itu pun sekitar 20 buah sahaja. Mereka panggil ini sekolah contoh. Jadi dari segi komitmen kepimpinan untuk memajukan negara telah ada. Tinggal lagi, oleh kerana kita baru, maka kita hendak mempertingkatkan budaya penggunaan teknologi itu. Sekarang ini mungkin kebanyakan sekolah baru mula menggunakannya sejam atau dua jam. BTP akan terus memantau. Katakan selepas enam bulan, kita dapati penggunaannya masih di tahap sama, kita akan melakukan sesuatu kerana sasaran kita ialah mahu mencapai masa melebihi 80 peratus.

Apa tindakan kepada sekolah-sekolah yang tiada peningkatan ini?

YUSOFF: Saya percaya bahawa teguran akan dibuat kepada sekolah berkenaan. Jika tiada juga perubahan tindakan selanjutnya akan diambil.

Bagi sekolah yang berjaya membudayakan teknologi, mungkinkah ada insentif tertentu untuk mereka?

YUSOFF: Biasanya sekolah yang begini, mereka sudah pun mendapat insentif. Saya percaya sekolah yang tinggi penggunaan teknologinya, mempunyai banyak guru cemerlang, sekolah itu juga mungkin mempunyai pengetua cemerlang. Kerana komitmen ini biasanya akan datang daripada kumpulan guru yang juga cemerlang.

Daripada 88 buah sekolah bestari be-

komitmen



rapa yang mencapai tahap lima bintang?

YUSOFF: Hanya satu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Ibrahim di Johor. Bagaimanapun kita akan membawa sekolah-sekolah lain yang hanya mencapai empat dan tiga bintang kepada lima bintang. Kita akan membantu mereka meningkatkan budaya penggunaan teknologi. Semakan akan dibuat dari semasa ke semasa. Saya telah meminta semua rangkaian yang ada dari Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) dan pusat kegiatan guru melawat sekolah-sekolah dan akan mengukur penggunaan purata teknologi khususnya di kalangan guru-guru.

Konsep ini agak subjektif, apa jaminan yang boleh memastikan ketelusan dan ketepatannya?

YUSOFF: Sekarang ini kita sedang membina satu perisian, yang apabila ada sahaja

kita boleh melakukan ini sebab ada negara yang kecil tetapi mereka boleh melakukan lebih baik. Mungkin pada masa depan, dengan usaha yang dilakukan negara kita akan menonjol. Sekarang apa yang pasti ialah Menteri sendiri mengharapkan Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pelajaran terbaik di dunia. Apabila Kementerian terbaik, jabatan akan menjadi terbaik dan sekolah akan muncul yang terbaik.

Ada juga pihak mendakwa program ini lebih merupakan 'kosmetik' sedangkan pelaksanaannya tidak secara serius?

YUSOFF: Ini berlaku kalau mereka tidak komited. Mereka tidak mahu mencuba langsung. Apabila guru-guru yang telah diberi tanggungjawab sendiri tidak mahu guna, pengetua juga tidak kisah, ini yang akhirnya akan menjadi kosmetik sahaja. Di sinilah

Konsep ini agak subjektif, apa jaminan yang boleh memastikan ketelusan dan ketepatannya?

YUSOFF: Sekarang ini kita sedang membina satu perisian, yang apabila ada sahaja orang pegang komputer, kita akan tahu berapa lama mereka menggunakannya. Semua perkara yang dimuat turun juga kita akan tahu selain kita akan tahu mereka memakai perisian pengajaran apa. Akan sampai masanya nanti kita tidak perlu lagi melawat sekolah untuk mengetahui sama ada mereka menggunakan peralatan ini atau tidak. Kita akan membuat pemantauan terus dari ibu pejabat.

Ada pihak mendakwa ICT sebagai alat pengupayaan sahaja. Komen Datuk?

YUSOFF: Itu semua bagi saya alasan. Sebenarnya penggunaan teknologi ini melibatkan semua peringkat. Bagi pelajar yang lemah ada bahan pengajaran untuk yang lemah. Orang yang tidak komited, mereka akan selalu memberi alasan. Kalau betul kita menghayati kaedah ini lebih mudah mengajar pelajar daripada kita bercakap. Tetapi isunya sekarang orang kata, lebih mudah mengajar menerusi percakapan dan kapur. Bagi saya, sekarang ini kita hendak membuktikan pengajaran menggunakan komputer ini adalah lebih baik.

Masih ada lagi kes guru-guru yang mengatakan mereka tidak tahu menggunakan komputer ini?

YUSOFF: Bukan masalah tidak pandai, tetapi komitmen. Kita telah memberi kursus kepada semua orang, tetapi apabila mereka balik ke sekolah, mereka tidak menggunakannya. Maksudnya ini masalah budaya. Mereka tidak merasakan penggunaan teknologi ini membantu pengajaran mereka. Kenapa? Kena fikir sendirilah. Sebenarnya dalam perkara ini, negara-negara luar memandang kita begitu tinggi sekali. Dari segi komitmen negara, kita telah melakukan yang terbaik untuk peningkatan pendidikan. Mereka melihat kita sebagai contoh.

Apa standard yang kita hendak capai sebenarnya?

YUSOFF: Dalam keadaan sekarang ini kalau boleh kita hendak menjadi negara yang terbaik dunia. Tetapi kalau hendak mengukur kedudukan ini, apakah perbandingan yang boleh dibuat? Bermakna apakah bandingan kita. Bandingan kita bermakna apa yang orang belum buat, kita buat. Saya fikir

YUSOFF: Ini berlaku kalau mereka tidak komited. Mereka tidak mahu mencuba langsung. Apabila guru-guru yang telah diberi tanggungjawab sendiri tidak mahu guna, pengetua juga tidak kisah, ini yang akhirnya akan menjadi kosmetik sahaja. Di sinilah pentingnya komitmen saya katakan tadi.

Tentang program televisyen (TV) Pendidikan, adakah ia tidak lagi perlu?

YUSOFF: Sebenarnya ini baik, tetapi dari segi masa ia kurang menarik penonton. Untuk mengubah suai jadual juga agak susah kerana melibatkan terlalu banyak sekolah. Untuk mengatasi masalah, kita buat cara baru iaitu web televisyen yang mana kita boleh tengok bila-bila masa.

Bila dijangka dilaksanakan?

YUSOFF: Jangkaannya tahun ini, kita masih dalam proses menyediakan kemudahan.

Kalau ada kebimbangan tentang usaha pembestarian ini, apakah dia?

YUSOFF: Komitmen. Kalau kita tidak komited untuk melaksanakan tugas, perancangan ini tidak akan berjaya. Untuk mendapatkan komitmen kita kena faham apakah tujuannya. Keikhlasan hati mesti ada. Mesti mengajar bersungguh-sungguh. Kalau kita tahu kaedah mengajar yang terbaik ialah melalui perkakasan ICT, gunakanlah kaedah ini. Kalau kata tidak tahu, kita telah memberikan kursus. Tetapi kalau sudah diajar, balik tidak buat, tidak berguna juga. Saya merayu kerana untuk memastikan negara kita maju, komitmen semua pihak dalam pelaksanaan budaya ICT ini dapat dipertingkatkan di sekolah. Tentang penggunaan sebenarnya terulang kepada kreativiti sendiri.

Adakah semua bahagian dan jabatan di Kementerian Pelajaran bergerak seiringan dalam usaha pembestarian sekolah?

YUSOFF: Saya tidak boleh jawab. Kepada saya, yang lebih penting ialah soal kepimpinan.

Saranan Datuk kepada pihak sekolah?

YUSOFF: Kita perlu memotivasikan semua pihak dalam sistem pendidikan yang ada khususnya di sekolah supaya membudayakan penggunaan teknologi. Ini bermula dengan pemimpin di sekolah itu sendiri seperti pengetua, guru besar, penolong kanan, guru bidang dan guru-guru lain. Jika mereka ini ada kesedaran dan sanggup memberikan komitmen dari segi masa, para pelajar akan mendapat faedah yang maksimum.